



## SIARAN MEDIA

### KPKT IKTIRAF PERKHIDMATAN CEMERLANG PPW DAN PPG MELALUI PENGANJURAN ANUGERAH KREDIT MADANI 2024

**KUALA LUMPUR, 24 Mei 2024** – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menyempurnakan **Majlis Pra Pelancaran Anugerah Kredit MADANI (AKM) 2024** bertempat di Hotel Berjaya Times Square pada pagi ini. Anugerah yang julung kali dianjurkan oleh KPKT ini bermula tahun 2024 dan akan dilaksanakan secara dwitahunan.

Anugerah ini merupakan satu bentuk pengiktirafan atas inisiatif, usaha berterusan, tatakelola perniagaan dan perkhidmatan terbaik yang disediakan oleh **Pemberi Pinjam Wang (PPW) berlesen** dan **Pemegang Pajak Gadai (PPG) berlesen** yang layak dan memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan. Ia antara lain menunjukkan tahap profesionalisme dan pematuhan akta/peraturan yang tinggi, memberi sokongan kewangan keusahawanan, melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan sebagainya. Sehingga 30 April 2024, terdapat **4,416 PPW berlesen** di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) dan **881 PPG berlesen** di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81).

Terdapat **tujuh (7)** anugerah kecemerlangan bagi **PPW** dipertandingkan seperti berikut:

1. **Anugerah Khas Menteri PPW MADANI**
2. **Anugerah Inovasi Terbaik**  
(Kategori PPW *Paid Up Capital* melebihi daripada RM2 Juta)
3. **Anugerah Inovasi Terbaik**  
(Kategori PPW *Paid Up Capital* RM2 Juta)
4. **Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Terbaik**  
(Kategori PPW *Paid Up Capital* melebihi daripada RM2 Juta)

5. **Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Terbaik**  
(Kategori PPW *Paid Up Capital* RM2 Juta)
6. **Anugerah Perniagaan Paling Bernilai**  
(Kategori PPW *Paid Up Capital* melebihi daripada RM2 Juta)
7. **Anugerah Perniagaan Paling Bernilai**  
(Kategori PPW *Paid Up Capital* RM2 Juta)

Manakala terdapat **tujuh (7)** kategori kecemerlangan bagi **PPG** seperti berikut:

1. **Anugerah Khas Menteri PPG MADANI**
2. **Anugerah Inovasi Terbaik**  
(Kategori PPG *Paid Up Capital* melebihi daripada RM4 Juta)
3. **Anugerah Inovasi Terbaik**  
(Kategori PPG *Paid Up Capital* RM4 Juta)
4. **Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Terbaik**  
(Kategori PPG *Paid Up Capital* melebihi daripada RM4 Juta)
5. **Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Terbaik**  
(Kategori PPG *Paid Up Capital* RM4 Juta)
6. **Anugerah Perniagaan Paling Bernilai**  
(Kategori PPG *Paid Up Capital* melebihi daripada RM4 Juta)
7. **Anugerah Perniagaan Paling Bernilai**  
(Kategori PPG *Paid Up Capital* RM4 Juta)

Buat julung kalinya, Majlis Anugerah Kredit MADANI 2024 yang bakal berlangsung pada **15 November 2024** ini melibatkan kerjasama dari rakan strategik dengan pihak Persatuan Pemberi Pinjam Wang, Persatuan Pemegang Pajak Gadai dan pemain industri dalam menjayakan penganjuran majlis ini. Penerima anugerah yang layak akan diberikan penghargaan dan ganjaran dalam bentuk hadiah wang tunai bernilai sehingga RM20,000 (tertakluk kepada kategori), Sijil Penghargaan dan trofi. Penyertaan bagi anugerah ini telah mula dibuka bermula pada 17 Mei 2024 sehingga 9 Ogos 2024.

YB KM berkata, “Anugerah berprestij ini diharap dapat memberi inspirasi dan motivasi kepada syarikat PPW dan PPG berlesen dan berdaftar di bawah KPKT untuk sentiasa mematuhi Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] dan Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81].”

Tambah beliau, "Penganjuran anugerah ini mengiktiraf komitmen PPW dan PPG dalam pelaksanaan inovasi dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) serta membudayakan semangat daya saing dalam memberi manfaat khususnya kepada komuniti setempat. Ini termasuklah memberi sokongan kredit kepada perusahaan dan syarikat korporat."

Dalam majlis sama, beliau turut mengingatkan kepada seluruh masyarakat agar memastikan setiap proses permohonan pinjaman dan gadaian dilaksanakan mengikut prosedur yang betul bagi mengelakkan daripada menjadi mangsa penipuan. Ini penting bagi memastikan peranan PPW dan PPG tidak disalah gunakan serta dimanipulasi oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.

Turut hadir dalam majlis tersebut Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT, Tuan Haji Suhaimi Bin Ali @ Ahmad; Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekutaran Mampan) KPKT, YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan; Setiausaha Bahagian Kawalan Kredit Komuniti KPKT, Encik Muhammad Nor Azam bin Samah serta rakan-rakan strategik termasuklah wakil-wakil persatuan PPW dan PPG.

#MalaysiaMADANI  
#StrongerTogether  
#UnityInDiversity  
#DemiPertiwi

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada Jajaran Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@pkpt.gov.my](mailto:media.ukk@pkpt.gov.my)

